



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 11 TAHUN 2010**

PEMBEKUAN LESEN BARU BAS CATAR

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH: 30 OGOS 2010

Semua Pengusaha Bas Catar

Semua Persatuan Persatuan Bas Semenanjung Malaysia

PEMBEKUAN LESEN BARU BAS CATAR

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pembekuan lesen baru bas catar.

LATAR BELAKANG

2. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] mentakrifkan bas catar sebagai bas yang disewa seluruhnya bagi satu perjalanan yang baginya pembayaran dibuat kepada pemunya oleh orang yang menyewa bas itu.

3. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah mengeluarkan dua pekeling bagi memaklumkan pengusaha pengangkutan awam berhubung peraturan semasa pelesenan bas catar iaitu:

- (i) Pekeliling LPKP Bil. 4/2006 pada 9 Ogos 2006 – Pembaharuan Lesen Bas Catar Yang Disandarkan Kepada Lesen Bas Berhenti-henti

- Memaklumkan lesen bas catar yang bersandar pada lesen bas berhenti-henti ditamatkan; dan

(ii) Pekeliling LPKP Bil. 2/2008 pada 15 Februari 2008 – Syarat-syarat Pengeluaran Lesen Bas Catar

- Memaklumkan syarat-syarat bagi pengeluaran lesen bas catar sebagai panduan dalam memproses permohonan lesen tersebut.

4. Pemberian sesuatu kelas lesen kenderaan pengangkutan awam perlu berdasarkan keperluan yang melihat kepada penawaran dan permintaan pasaran. Asas kepada keperluan ini perlu dibuktikan dalam satu kajian terperinci.

5. Ketiadaan asas dalam menentukan keperluan bas catar boleh menyebabkan berlakunya lambakan lesen pengangkutan awam di pasaran. Ini seterusnya mendorong pengusaha untuk mengambil kesempatan menyalahgunakan lesen yang dimiliki.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

6. Mesyuarat Lembaga Bil.29/2010 yang bersidang pada 10 Ogos 2010 telah bersetuju **membekukan** pemberian lesen baru bas catar seperti berikut:

- **Membekukan permohonan dan pemberian lesen baru** bas catar kepada pengusaha baru dan pengusaha bas catar sedia ada **kecuali pengusaha bas berhenti-henti baru dan sedia ada** sehingga satu kajian keperluan lesen bas catar dilaksanakan. Bilangan lesen bas catar yang boleh dipertimbangkan kepada pengusaha bas berhenti-henti baru dan sedia ada adalah **tidak melebihi 30 peratus daripada jumlah lesen bas berhenti-henti yang dimiliki.**

SYARAT TAMBAHAN LESEN BAS CATAR

7. Lembaga telah memutuskan menurut Seksyen 19(2) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] seperti berikut:

- Adalah menjadi **syarat tambahan yang dikenakan pada lesen bas catar baru dan sedia ada untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah:**
 - (i) Had usia bas catar ialah sehingga 15 tahun;
 - (ii) Senarai nama penumpang hendaklah disertakan di dalam bas bagi tujuan pemeriksaan;

- (iii) Bagi jarak perjalanan melebihi 300 kilometer atau empat jam perjalanan berterusan, hendaklah mempunyai pemandu kedua dan buku log seperti yang ditetapkan dalam Kaedah 10B, Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan 1959;
- (iv) Hendaklah mengambil perlindungan insurans mengikut Bahagian IV, Seksyen 90 dan 91 (1), Akta Pengangkutan Jalan 1987 semasa membawa penumpang;
- (v) Mempunyai cukai jalan yang sah; dan
- (vi) Memasang alat *Global Positioning System (GPS)* pada kenderaan yang dilesenkan selepas 15 Februari 2008.
- (vii) Syarat Khas
 - a) Kebenaran diberi kepada pengusaha bas menggunakan bas catar syarikatnya untuk menggantikan bas yang rosak di laluan yang diluluskan dan hendaklah membawa bersama lesen bas yang rosak atau sekiranya tidak dapat berbuat demikian, hendaklah mengemukakan lesen bas yang rosak kepada pegawai penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) atau pegawai penguatkuasa LPKP yang menjalankan tindakan

penguatkuasaan ke atas bas catar tersebut dalam tempoh 24 jam dari tempoh bas catar tersebut ditahan untuk pemeriksaan.

8. Pekeliling ini hendaklah **dibaca** dan **dilampirkan** bersekali dengan setiap lesen bas catar.

9. Adalah menjadi kesalahan di bawah **Seksyen 19(3) Akta 334** sekiranya **pemegang lesen** gagal mematuhi **syarat tambahan** serta **syarat khas** yang ditetapkan dan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda **tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.**

PINDAAN

10. Syarat Khas Perkhidmatan Bas Catar di Perenggan 3 (c) (i) Pekeliling LPKP Bil. 2/2008- Syarat-syarat Pengeluaran Lesen Bas Catar bertarikh 15 Februari 2008 adalah **dipinda** seperti di perenggan 7 (vii) (a).

TARIKH KUATKUASA

11. Pembekuan pemberian lesen baru bas catar berkuatkuasa
serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

Semenanjung Malaysia

Jabatan Perdana Menteri

30 OGOS 2010

Edaran Dalaman:

Y.B. Datuk Pengerusi LPKP

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

Semua Ketua Bahagian

**Sila tampal pekeliling ini
pada papan kenyataan
di pejabat LPKP Wilayah.**

Salinan:

Ketua Pengarah
Jabatan Pengangkutan Jalan,
Aras 1-5, Blok D-4, Kompleks D,
62502 PUTRAJAYA.

Pengarah JPJ Negeri/ Wilayah

Ketua Polis Trafik
Cawangan Trafik
Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 KUALA LUMPUR

Ketua Operasi PUSPAKOM
Wisma DRB HICOM
No. 2, Jalan Usahawan U1/8
Seksyen U1
40150 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN